

**Brahim's Meterai MoU Dengan Syarikat Arab Saudi Tubuh Usaha Sama
Bernama
11 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Brahmin Hordeng Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan DYMM Alala Alamin Co Lt untuk menubuhkan syarikat usaha sama di Arab Saudi.

Brahmin, dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini berkata syarikat usaha sama itu akan terlibat dalam membangunkan pembuatan makanan, pengeluaran dan perkhidmatan di Mak.

"Objektif MoU itu adalah untuk mentakrif syarat-syarat utama bagi penubuhan syarikat usaha sama untuk membangunkan pembuatan makanan, pengeluaran dan perkhidmatan di bandar Mak," kata syarikat itu.

Brahmin berkata, syarikat itu, antara lainnya, akan menyumbang kepakarannya dalam menubuhkan kilang makanan, serta dalam bahagian pengurusan operasi, pengeluaran dan pemprosesan makanan, pembungkusan makanan dan pengurusan kualiti makanan.

Sementara itu, DYMM Alala Alamin, antara lainnya, akan memudahkan penyumberan kawasan tanah yang sesuai bagi pajakan untuk tempoh jangka masa panjang di kawasan pinggir bandar Mak, bagi pembinaan kilang makanan.

DYMM Alala Alamin juga akan mendapatkan maklumat yang perlu daripada pihak berkuasa Arab Saudi mengenai undang-undang tempatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti tersebut.

Brahmin berkata kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk menubuhkan kilang makanan di Mak bagi mengeluari, menjual dan mengedarkan produk makanan kepada pihak yang berminat.

Ia berkata penubuhan syarikat usaha sama itu juga akan membuka peluang lain dalam dagangan, perkhidmatan makanan, operasi restoran, katering perindustrian termasuk katering dalam penerbangan, logistik dan pengurusan gudang termasuk penyimpanan sejuk dan perundingan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021061>